

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 04 DISEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada cuti paterniti yang bakal diwujudkan untuk pekerja swasta dalam pindaan Akta Kerja 1955 boleh dipanjangkan daripada tiga hari kepada tujuh hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk memperkenalkan cuti paterniti sebanyak 3 hari kepada suami yang isterinya bersalin merupakan antara peruntukan baharu yang diperuntukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955. Jumlah cuti sebanyak 3 hari ini telah pun dipersetujui secara kolektif antara pihak majikan dan kesatuan pekerja melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Akta Kerja 1955 yang telah ditubuhkan.
2. Cadangan ini telah dipersetujui dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Jun 2019. Justeru, cadangan cuti paterniti 3 hari akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum apa-apa pertimbangan meningkatkan kepada 7 hari.